

## **IDENTITI DAN IMEJ PERABOT LANDSKAP MELAYU**

**Masyitah bt Abd Aziz**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Senibina

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

Sessi 2005/2006

## **Abstrak**

*Jalan-jalan sepanjang jalan,  
Singgah-menyinggah dipagar orang,  
Mata terpukau pandangan halaman,  
Melihat megah burung terbang.*

Sebagaimana adat, halaman kediaman Melayu juga begitu tersusun rapi. Orang Melayu mencintai alam semula jadi, mereka menghargai khazanah ini, terpesona, kagum dengan unsur-unsur semulajadi ini sehingga dipuja melalui pantun dan menjadi kiasan yang sering dibahasakan. Alam sekitar di anggap pakaian dalam memenuhi kehidupan mereka. Tempat mereka mencari rezeki dan tempat mereka bersemadi. Alam sekitar mengilhamkan sesuatu kepada mereka dan memberi kreativiti, motif dan penemuan. Daya kreatif ini melahirkan tenunan, ukiran, anyaman, seni kraf dan binaan. Binaan ini begitu sebatи dengan alam sekitar kerana ia diambil daripadanya. Pangkin, perigi, guri, wakaf, pengadang, sangkar ayam, jamung andang dan pelita adalah sebahagian daripada inspirasi air, tanah, dan tumbuhan yang menjadi pelengkap kepada kehidupan masyarakat Melayu.